



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

13 Jun 2019

1. Lelaki kejam gantung kucing sampai mati kene tangkap polis; Kosmo

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA
BAHAGIAN PERANCANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input checked="" type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Negara		M/SURAT: <input type="text" value="2"/>	RUANGAN :
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input checked="" type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
13.6.2019			

Lelaki kejam gantung kucing sampai mati kena tangkap polis



RAKAMAN CCTV menunjukkan seorang lelaki menjerut seekor kucing sebelum menggantungnya di tangga blok sebuah pangsupuri di Seksyen 2, Wangsa Maju pada Isnin lalu.

KUALALUMPUR – Polis menahan seorang lelaki kejam yang dipercayai telah menjerut dan menggantung seekor kucing jantan sehingga mati di Seksyen 2, Wangsa Maju di sini semalam.

Timbalan Ketua Polis Daerah Wangsa Maju, Superintendan Muhammad Najib Hamzah berkata, suspek tempatan berusia 28 tahun itu diberkas di Jalan Vistawira, Seksyen 2, Wangsa Maju dan kes disiasat mengikut Seksyen 428 Kanun Keseksaan kerana membunuh binatang.

“Suspek mempunyai dua rekod jenayah berkaitan kes dadah,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Kosmo! semalam melaporkan seorang lelaki telah menjerut dan menggantung seekor kucing pada leher sehingga mati di tangga blok sebuah pangsupuri di Seksyen 2, Wangsa Maju pada Isnin lalu.

Kejadian itu disedari pemilik kucing tersebut pada pukul 2.30 petang.

Pada mulanya dia menyangkakan kucing itu mati disebabkan racun, namun terkejut sebaik jiran menunjukkan rakaman televisyen litar tertutup mengenai perbuatan kejam lelaki terbabit.

Polis buru lelaki jerut, gantung kucing sampai mati di tangga

KERATAN *Kosmo!* semalam.